

Minggu Suai Mesra FSSA Sesi 2014 / 2015

Artikel oleh:
MARDENA JIWAN

Seni Foto oleh:
DR HARRY
CHONG LYE HIN

Minggu Suai Mesra bagi pelajar Fakulti Sains dan Sumber Alam Sesi 2014/2015 telah diadakan serentak bersama-sama fakulti lain pada 5 September 2014 dan buat julung kalinya dilaksanakan selepas pembentukan fakulti yang melibatkan penggabungan dua (2) buah sekolah iaitu, Sekolah Sains dan Teknologi dan Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa.

Seramai 769 orang pelajar baharu yang melibatkan 14 buah program telah menyertai aktiviti MSM FSSA sesi ini iaitu, Program HG07 36 orang, HG19 56 orang, HG20 46 orang, HG23 41 orang, HS03 74 orang, HS07 77 orang, HS08 95 orang, HS09 50 orang, HS11 66 orang, HS21 54 orang, HS22 47 orang, HS27 44 orang, HS40 51 orang dan HY11 32 orang pelajar.



Aktiviti pada sesi pagi, semua pelajar baharu FSSA berkumpul di Dewan Canselor bagi mendengar taklimat dan penerangan mengenai pengenalan kepada staf FSSA yang disampaikan oleh Dekan dan seterusnya taklimat akademik dan HEP yang disampaikan oleh Timbalan Dekan (A&A) dan Timbalan Dekan (HEP&A). Manakala bagi sesi petang, semua pelajar berkumpul mengikut program masing-masing di bilik tutorial/ bilik kuliah Kompleks Sains dan Teknologi dan Kompleks Perhutanan bagi mendengar taklimat daripada Ketua Program dan pensyarah-pensyarah dalam program berkenaan.



Bil	Program	Bilangan Pelajar
1	HG 07 Bioteknologi	36
2	HG 19 Perhutanan Tropika Antarabangsa	56
3	HG 20 Taman Alam Semulajadi & Rekreasi	46
4	HG 23 Perladangan Hutan & Perhutani	41
5	HS 03 Biologi Pemuliharaan	74
6	HS 07 Bioteknologi	77
7	HS 08 Matematik dengan Ekonomi	95
8	HS 09 Matematik dengan Komputer Grafik	50
9	HS 11 Sains Sekitaran	66
10	HS 21 Geologi	54
11	HS 22 Fizik dengan Elektronik	47
12	HS 27 Akuakultur	44
13	HS 40 Sains Marin	51
14	HY 11 Teknologi dan Industri Kayu	32